



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 (64)

Tarikh : 13 Januari 2020

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT PANEL PAKAR SYARIAH (PPS) JAKIM
BERKAITAN HUKUM MUSLIM MENYERTAI PESTA PONGGAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pakar Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kali ke-100 yang bersidang pada 8 dan 9 April 2019 telah memutuskan berkaitan Hukum Muslim Menyertai Pesta Ponggal.

3. Pesta Ponggal merupakan perayaan bagi penganut-penganut beragama Hindu. Oleh yang demikian, JAKIM memutuskan bahawa adalah **haram** bagi orang muslim menyertai pesta ponggal terutamanya upacara memasak nasi susu.

4. Berdasarkan pandangan JAKIM juga, jika terpaksa orang muslim boleh hadir dengan **syarat tidak terlibat dengan sebarang upacara keagamaan seperti:**

- 4.1 Tidak memakai apa jua pakaian khas yang merujuk kepada perlambangan agama seperti pakaian sami Hindu;
- 4.2 tidak memakai apa jua peralatan yang memiliki simbol khas agama lain seperti meakai rantai, membuat tanda keagamaan di dahi dan memakai kalungan bunga;
- 4.3 Tidak terlibat dengan apa jua ritual yang dilakukan dalam apa jua bentuk dan keadaan sekalipun;
- 4.4 Tidak memasuki rumah ibadat mereka ketika mana upacara ritual agama sedang berlangsung;
- 4.5 Tidak memaki dan mencaci serta menghina tuhan-tuhan agama mereka; dan
- 4.6 Harus mengucapkan selamat kepada rakan dan jiran tanpa niat membelakangkan agama Islam.

5. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJJ ADZMAN BIN TALIB)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 4. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
 5. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
 6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
 7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
 8. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional